

Angka Giliran .....

No. Tempat Duduk.....

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

**HBT203/3 - BAHASA, UNDANG-UNDANG DAN PENTERJEMAHAN II**  
**(Language, Law and Translation II).**

Masa: 3 Jam.

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Pastikan kertas peperiksaan mengandungi **empat (4)** muka surat bercetak.
2. Jawablah:
  - i) soalan **1** dan **2** yang merupakan **soalan wajib**, dan
  - ii) mana-mana **satu (1)** soalan yang lain.
  - iii) 3. Nilai markah soalan-soalan adalah berbeza.
4. Tulis semua jawapan dalam **BUKU JAWAPAN**.

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk: .....

**Jawab soalan-soalan 1 dan 2:**

**SOALAN 1: (60 markah)**

(Soalan-soalan A-D hendaklah dijawab dengan maklumat yang perinci).

A. Terjemahkan potongan karangan yang diberi serta **huraikan** maksud frasa/kata yang *beritaliks* dalam potongan krangan berikut:

“Almost all common law offences and serious statutory offences require two elements, *actus reus* and *mens rea*; in the words of the Latin Maxim: *actus non facit reum nisi mens sit rea.*”

(10 markah)

B. Jawab soalan-soalan yang berikut:

i) Apakah yang kamu fahami dengan *liabiliti penjenayah* (criminal liability)?

ii) Apakah *actus reus* dan *mens rea* bagi kes-kes berikut?

- a) bunuh;
- b) bigami;
- c) pencurian.
- d) pematiian orang.

iii) Dengan contoh, tunjukkan *actus reus* siapakah yang berkaitan jika terdapat *beberapa rantaian penyebab* (chain of causes)?

(15 markah)

C. Jawab soalan-soalan yang berikut:

. i) **Mens Rea** ialah minda/niat berbuat jahat (culpable state of mind) dan boleh berbentuk        **niat** (intention), **melulu** (reckless), **cuai** (negligence) dan **niat pindah** (transferred intent). *Apakah perbezaan antara jenis-jenis tersebut?*

(10 markah)

ii) Apakah maksud:

- a) **mens rea** dan **actus reus** mestilah hadir serentak;
- b) pembebahsa adalah “*at the pleasure of the crown*”.

(10 markah)

**D.** Jawab kesemua (i) hingga (iii):

- i) Berapa kali dan apa tahap “burden of proof” dan “the standard of proof” yang perlu dicapai oleh pihak **pendakwa raya**;
- ii) Apakah jenis-jenis **pembelaan**(defences) bagi tertuduh oleh pembela dalam kes **bunuh** dan **pematiian orang**;
- iii) Apakah “**burden of proof**” and “**standard of proof**” oleh pembela dalam situasi “**gila**” dan “**kewajipan yang merosot**”?

(15 markah)

Angka Giliran: .....

No. Tempat Duduk:.....

**SOALAN 2: (20 markah).**

**Jawab A dan B:**

**A.** Jawab (i) dan (ii):

- i) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan ***jenayah kewajipan ketat*** (strict liability offences) terutamanya daripada segi ***actus reas, mens rea, kawajipan dan kesabitan***.

- ii) Terangkan bilakah seseorang itu dapat dianggap sebagai ***pihak-pihak dalam jenayah*** (*parties to a crime*)?

(10 markah)

**B.** Jawab (i) dan (ii):

- i) Bezakan antara ***serangan*** (assault) dan ***serang-sentuh*** (battery).  
ii) Terangkan apa maksud ***homisid*** (homicide).

(10 markah)

**Jawab satu (1) soalan sahaja daripada soalan-soalan (3), (4) dan (5):**

**SOALAN 3: (20 markah)**

Jawab (i), (ii) dan (iii):

- i) Beri “istilah-istilah/frasa” bahasa Malaysia bagi setiap satu dalam (a-e), kemudian dengan ringkas huraikan maksudnya:  
*a) “appropriates”*  
*b) “property”*  
*c) “belonging to another”*  
*d) “dishonestly” dan*  
*e) “intention of permanently depriving the other...”*

- ii) Terjemahkan definisi berikut:

“A person is guilty of theft if he dishonestly appropriates property belonging to another  
with the intention of permanently depriving the other of it.”

(10 markah)

,

- ii) Apakah perbezaan antara ***handling robbery, burglary and blackmail***?

(10 markah)

Angka Giliran: .....

No. Tempat Duduk:.....

#### **SOALAN 4: (20 markah)**

Jawab (i), (ii) dan (iii):

- i) Apakah yang perlu wujud supaya sesuatu **wasiat** itu sah?
- ii) Terangkan cara mewujudkan satu **Amanah** (trust).
- iii) Huraikan **kepastian-kepastian** (certainties) yang perlu ada dalam sesuatu **Amanah**.

(20 markah)

#### **SOALAN 5: (20 markah)**

Jawab (i), (ii) dan (iii):

- i) Dalam kutipan di bawah, terangkan maksud frasa berikut:
  - a) “**duty of care**”
  - b) “**breach of the duty of care**”
  - c) “**damage caused to the plaintiff.**”

“The tort of negligence comprises of three elements, duty of care, breach of that duty,  
and damage caused to the plaintiff by that breach.”

- ii) Apa dia liabiliti vikarius?
- iii) Bezakan antara “occupier” dan “visitor”.

(20 markah)